

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bikk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH Tidak Melantik Pihak Perantara Bagi Urusan Rayuan Haji

Kuala Lumpur, 19 Januari 2017 : Lembaga Tabung Haji (**TH**) ingin menegaskan bahawa pihaknya tidak pernah melantik mana-mana pihak, syarikat atau individu perseorangan untuk menjadi perantara / orang tengah / pihak ketiga / agen dalam menguruskan hal-hal berkaitan RAYUAN HAJI termasuk rayuan mempercepatkan tempoh penggiliran menuaikan haji.

Pada masa kini, pihak **TH** mempunyai 123 cawangan termasuk cawangan di UTC seluruh negara dan orang ramai boleh menghantar surat rayuan haji terus ke kaunter-kaunter cawangan berkenaan atau melalui pos. Pihak **TH** akan mengeluarkan surat perakuan penerimaan rayuan haji pada tahun semasa kepada mereka dan seterusnya rayuan tersebut dimasukkan ke dalam sistem **TH** untuk tujuan penilaian.

Sehubungan dengan itu, pihak **TH** ingin menasihati orang ramai agar berwaspada dan tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak, syarikat atau individu perseorangan tidak bertanggungjawab yang menawarkan perkhidmatan tersebut dengan bayaran tertentu.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan **TH**, orang ramai boleh menghubungi talian khidmat pelanggan (THCC) kami di 03-6207 1919.

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, harta tanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.